

# e-BULETIN JSKM

EDISI KHAS KEMERDEKAAN KE-67



JSKM 2024

“ Jiwa yang merdeka bukanlah bebas tanpa batasan, tetapi tunduk patuh kepada Sang Pencipta. ”

eISSN 2637-0077  
  
9 7 7 2 6 3 7 0 0 7 0 0 4



MALAYSIA  
MADANI  
*Jiwa Merdeka*

Salam Kemerdekaan & Selamat Hari Malaysia

# *Isi Kandungan*

- |  |                                  |
|--|----------------------------------|
| i. Kata Alu-aluan  | 15 Apakah Pokok Kebangsaan Kita? |
| 01 Jiwa Merdeka  | 18 Negaraku Malaysia             |
| 02 Sedekad Tema Hari Kebangsaan Malaysia                           | 19 Tanah Airku Malaysia          |
| 06 Kenali Tugu Negara Malaysia                                     | 20 Harmony of Freedom            |
| 08 Srikandi Kemerdekaan  | 21 Erti Kemerdekaan              |
| 11 Jejak Sejarah: Institusi Pendidikan Era British di Pulau Pinang | 22 Pantun Nazam Anak Merdeka     |

# *Sidang Redaksi*

**Penasihat**  
**Dr. Nor Hanim Abd Rahman**

**Ketua Editor**  
**Dr. Siti Nurleena Abu Mansor**

Ts. Jamal Othman

**Editor**  
**Pn. Siti Mariam Saad**


En. Ahmad Rashidi Azudin

# JEJAK SEJARAH:

## Institusi Pendidikan Era British di Pulau Pinang

Norazah Umar

Pulau Pinang, yang diasaskan oleh Kapten Francis Light pada tahun 1786, menjadi salah satu pusat perdagangan yang penting di Asia Tenggara. Selain daripada menjadi pusat perdagangan, Pulau Pinang juga menjadi tapak bagi penubuhan beberapa institusi pendidikan yang signifikan oleh pihak British. Sekolah-sekolah ini telah memainkan peranan penting dalam membentuk landskap pendidikan di Malaysia hingga ke hari ini. Berikut adalah penceritaan mengenai kewujudan dan perkembangan sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh British di Pulau Pinang:



### Penang Free School



Pada tahun 1816, Penang Free School ditubuhkan oleh Rev. Robert Sparke Hutchings. Ia adalah sekolah tertua di Malaysia dan Asia Tenggara, yang dibina dengan matlamat menyediakan pendidikan kepada semua tanpa mengira latar belakang etnik atau agama. Penang Free School pada asalnya terletak di Jalan Farquhar tetapi kemudian berpindah ke lokasi sekarang di Green Lane pada tahun 1928. Dengan seni bina kolonial yang mengagumkan, sekolah ini terkenal dengan pencapaian akademik dan kurikulum yang luar biasa, serta telah melahirkan banyak tokoh terkemuka.



## Hutchings School

Rancangan asal penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free bertujuan menempatkan sekolah rendah dan menengah setempat, namun, pada tahun 1928 bahagian sekolah rendah dipisahkan daripada induknya iaitu Penang Free School. Pemisahan ini bertujuan mewujudkan sebuah sekolah rendah berasingan dan sebagai mengenang jasa Rev. Robert Sparke Hutchings namanya diguna untuk SK Hutchings. Lanjutan daripada SK Hutchings maka pada 1 Januari 1985 tertubuhnya Sekolah Menengah Kebangsaan Hutchings. Sehingga kini sekolah Hutchings terus berfungsi dengan tradisi akademik yang kukuh dan komitmen terhadap pendidikan.



Sumber: Facebook SMK Hutchings

## St. Xavier's Institution



Pada tahun 1852, St. Xavier's Institution ditubuhkan oleh Brothers of the Christian Schools (Lasallian Brothers). Sekolah ini berfungsi untuk menyediakan pendidikan kepada anak-anak lelaki. Dengan lokasinya di Farquhar Street, sekolah ini dengan cepat menjadi salah satu sekolah misi Katolik yang terkemuka di Pulau Pinang. St. Xavier's Institution dikenali dengan tradisi akademik yang kuat dan peranannya dalam membentuk pelajar menjadi individu yang berwawasan dan berdisiplin.

## Methodist Boys' School (MBS)



Didirikan pada tahun 1891 oleh Rev. B. F. West dari Methodist Episcopal Mission, Methodist Boys' School (MBS) adalah satu lagi institusi pendidikan yang penting semasa zaman penjajahan British. Terletak di Jalan Air Itam, MBS menyediakan pendidikan berkualiti kepada anak-anak lelaki dan dikenali dengan pencapaian akademik serta aktiviti sukan yang unggul.



## Methodist Girls' School (MGS)



Sumber: School History | MGS Penang

Methodist Girls' School (MGS) ditubuhkan bersama-sama dengan penubuhan MBS, pada tahun 1891 oleh Miss B. F. West. Mula dibuka sebagai sekolah A.C.G.S pada tahun 1892 dengan 2 orang murid sahaja dan meningkat kepada 638 orang pelajar pada tahun 1939. Berpindah ke beberapa tapak baru bagi menampung keperluan pelajar yang semakin ramai. Pada tahun 1915, sekolah berpindah lagi ke sebuah rumah lama kepunyaan Sultan Perak iaitu di persimpangan jalan Logan dan Jalan Anson.

Pererangan Dunia Kedua yang bermula pada tahun 1939 menyebabkan pembangunan terpaksa ditangguhkan sehingga tahun 1950. Pada masa pemerintahan Jepun, sekolah ACGS dijadikan sebuah penjara. Pada tahun 1941 hingga ke 1945, sekolah digunakan sebagai Pejabat Pos. Pada tahun 1957, nama Sekolah ACGS ditukar kepada Methodist Girls' School dan sekolah itu dibahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian rendah dan menengah.

## St. George's Girls' School (SGGS)



Sumber: Penang Wikia



Sejarah St. George's Girls' School bermula pada tahun 1884, ketika Mrs. Biggs, isteri kepada chaplain kolonial British, Rev. Louis Biggs, memulakan kelas tidak formal di kediaman mereka di Farquhar Street. Pada tahun berikutnya, St. George's Girls' School secara rasmi ditubuhkan oleh Sisters of the Holy Infant Jesus dengan R.A. Shackleford menjadi pengetua pertama sekolah tersebut. Sekolah ini dinamakan, bersempena dengan St. George, martir yang merupakan santo pelindung England. Sekolah ini merupakan satu sekolah Katolik yang tertua di Pulau Pinang. Percubaan coeducational singkat pernah dimulakan pada tahun 1916 dan dihentikan pada tahun 1920 kerana tidak berjaya dan ia kkal sebagai institusi khusus untuk pelajar perempuan. Sekolah ini dikenali dengan usaha mereka dalam membentuk wanita muda menjadi individu yang berpendidikan dan berintegriti.

## Convent Light Street School



Sumber: Penang Wikia



Sumber: Lim Beng Tatt/The Star

Convent Light Street adalah satu lagi sekolah mubaligh katolik yang ditubuhkan oleh 3 biarawati daripada Holy Infant Jesus pada tahun 1852. Ia merupakan sekolah kanak-kanak perempuan tertua di Asia Tenggara yang pada awalnya memberi didikan kepada anak-anak yatim serta anak-anak perempuan orang kenamaan dan keluarga di raja. Pada tahun 1859, para biarawati membeli bangunan gaya Anglo-Indian dan persekitaran tujuh ekar untuk diubahsuai menjadi asrama dan sekolah. Mereka masih terus mengambil anak yatim, lelaki dan wanita, tanpa mengira ras dan latar belakang. Kanak-kanak yatim akan dijaga sehingga umur 11tahun, dan seterusnya mereka akan memasuki Institusi St. Xavier. Sekolah ini terletak di kawasan yang strategik di George Town dan bangunan sekolah ini adalah salah satu bangunan kolonial yang paling ikonik di Pulau Pinang, dengan seni bina yang mencerminkan era penjajahan British. Hari ini, seperti sekolah-sekolah lain di Pulau Pinang, Convent Light Street mengikuti sistem pendidikan Malaysia yang telah ditentukan oleh Kerajaan Malaysia.

Sebagai kesimpulan, kewujudan sekolah-sekolah ini bukan sahaja mencerminkan usaha penjajah British dalam menyediakan pendidikan di Pulau Pinang, tetapi juga telah membentuk asas bagi sistem pendidikan moden di Malaysia. Sekolah-sekolah ini telah melahirkan ramai pemimpin dan profesional yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Warisan pendidikan yang ditinggalkan oleh British di Pulau Pinang terus hidup melalui sekolah-sekolah ini, yang masih berdiri teguh dan terus memberi sumbangan kepada masyarakat setempat.

